

PENGGUNAAN SIMBOL DALAM TEKS UCAPAN TUNKU ABDUL RAHMAN: ANALISIS TEORI RELEVANS

*(Symbols Used in Tunku Abdul Rahman's Speech Text: an
Analysis According to the Relevance Theory)*

Wong Shia Ho
ngdarren108@yahoo.com

Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
Tel.: +603 019 889 0175

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dengan mendedahkan fenomena penggunaan bahasa oleh Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia Pertama) melalui kajian korpus. Kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan kebijaksanaan Tunku menggunakan simbol untuk menyampaikan mesejnya kepada pendengar. Simbol dalam bentuk kata dan frasa dipilih untuk dianalisis. Simbol tersebut dirujuk kepada objek yang bersifat maujud dan berada dalam pengetahuan sedia ada atau catatan ensiklopedia pendengar. Penggunaan objek dalam penyampaian mesej ini dapat membantu pendengar menginterpretasi makna implisit yang ingin disampaikan. Penganalisan data kajian ini dilakukan dengan berdasarkan Teori Relevans (TR) yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) yang menekankan peranan kognitif, iaitu melibatkan konteks, kesan konteks (kognitif) dan usaha memproses. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan simbol dalam ujaran mampu diinterpretasi oleh pendengar sebagaimana makna yang diinginkan oleh Tunku.

Kata Kunci: simbol, objek, kajian korpus, Teori Relevans

Abstract

This is a descriptive study revealing the phenomenon of the language used by Tunku Abdul Rahman (First Prime Minister of Malaysia) using a corpus. The study was carried out to demonstrate that Tunku wisely used symbolism to convey his message to listeners. Symbols in the form of words and phrases are selected for analysis. The symbols used refer to concrete objects, and are already known to the listener. The use of objects in the message may help listeners to interpret the implicit meaning that is to be conveyed. The data were analysed based on the Relevance Theory of Sperber and Wilson (1986, 1995) which emphasizes the cognitive role, that is, involving context, context effects (cognitive) and the processing effort. The study finds that listeners would have been able to interpret the symbols used in the speeches with the meaning desired by Tunku.

Keywords: symbol, object, corpus study, relevance theory

PENDAHULUAN

Menurut Ainon Muhammad (1981:72-77), “simbol” ialah kata-kata yang terdapat dalam sesuatu bahasa itu. *Kamus Linguistik* (1997:145, 203, & 211) memberikan maksud “simbol” sebagai “kata lisan atau tulisan yang digunakan oleh penutur atau pendengar untuk merujuk objek atau idea sebagai panduan makna yang hendak disampaikan, dan manifestasi fonik atau grafiknya (lambang linguistik)”. *Kamus Dewan* (2005:1092) menjelaskan “objek” sebagai “sesuatu yang dapat disentuh atau dilihat, benda, barang”. Hal ini bermakna, objek yang dirujuk bersifat konkrit kerana dapat dirasai oleh pancaindera kita. Maksud “konkrit” ini jelas jika dirujuk kepada pernyataan Asmah Haji Omar (1982:28) apabila membicarakan kata nama konkrit. Kata nama konkrit ialah kata nama tak bernyawa yang merujuk benda yang konkrit, yakni benda yang boleh dilihat dengan mata dan disentuh atau tersentuh dengan jari atau bahagian badan lainnya, dihidu dengan hidung dan didengar. Misalnya; makanan, minuman, cermin, air, angin, muzik, wangi-wangian.

Menurut Asmah Haji Omar (1986:1), apabila kita mengatakan bahasa terdiri daripada sistem perlambangan, maka ini sebenarnya menunjuk kepada hubungan antara tuturan dengan rujukan. Penggunaan simbol dalam penyampaian mesej jelas melalui pernyataan Abdul Hamid Mahmood (2006:46-47) yang mengatakan bahawa masyarakat Melayu

mencipta peribahasa berdasarkan pengalaman mereka terhadap alam sekeliling. Mereka menggunakan kata sebagai lambang perbandingan dan kiasan, tetapi di sebalik perbandingan dan kiasan tersebut, tersembunyi maklumat khusus dan tujuan sebenar yang hendak disampaikan. Contohnya, “buah tangan”, “kaki ayam”, dan “harapkan pagar, pagar makan padi”. Pernyataan tersebut memperlihatkan hubungan antara simbol atau lambang, alam sekeliling, dengan mesej, iaitu simbol dicipta daripada unsur alam sekeliling untuk menyampaikan mesej tertentu.

Simbol juga digunakan dalam teks ucapan Tunku bagi menyampaikan mesej yang dikehendakinya. Simbol yang digunakan ini tidak terhad kepada unit kata tetapi juga dalam unit frasa. Penggunaan simbol ini membawa makna implisit. Dalam kajian ini, objek yang dirujuk oleh simbol merupakan objek yang bersifat konkrit. Objek yang bersifat konkrit ini amat membantu dalam penyampaian mesej sesuatu ujaran dapat dilihat berdasarkan pendapat-pendapat di bawah:

- (1) Kosa kata fizikal menyediakan rangka rujuk umum dan biasa untuk membincangkan kehidupan mental peribadi kita. (Akmajian, 1997:47-48)
- (2) Ungkapan yang menggunakan konteks setempat dapat membantu pendengar membentuk kesan konteks kerana objek yang digunakan memang merupakan objek yang dikenali. Misalnya, perkataan seperti bulan dan bintang merupakan perkara yang biasa didengar dan dapat dilihat (Nor Hashimah Jalaluddin, 2004:263 & 264).
- (3) Manusia dapat memahami ujaran kerana mereka dapat mengenali perkataan yang didengar secara intuitif yang sebenarnya berdasarkan pengetahuan yang dimiliki oleh mereka tentang bahasa dan budaya mereka. (Soenjono Dardjowidjojo, 2007:77)

Menurut Ainon Muhammad (1981:76-77), dalam pragmatik, kajian makna sangat bergantung pada reaksi manusia pada simbol dan bukanlah pada benda rujukannya. Hal ini kerana sesuatu perkataan itu mendapat maknanya, iaitu melalui keperihalannya keadaan yang wujud semasa kata itu digunakan. Hal ini berlaku dalam simbol yang digunakan oleh Tunku dalam teks ucapan. Simbol yang digunakan tidak membawa makna yang sebenar sebaliknya pendengar atau pembaca perlu mendalaminya untuk mendapatkan makna implisit. Dengan kata lain, simbol membekalkan

maklumat asas (makna leksikal) kepada pendengar untuk mendapatkan makna implisit yang ingin disampaikan oleh Tunku. Hal ini selaras dengan pendapat Verschueren (1999) (dalam Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2013:25-26) yang mengatakan bahawa kenyataan yang eksplisit biasanya mempamerkan makna praandaian. Daripada eksplisit akan berlaku proses inferensi dan akhirnya tercungkillah maklumat implisit. Semua ujaran perlu ada maklumat asas ini untuk mencungkil maklumat implikatur yang tidak dilahirkan dengan nyata

PERNYATAAN MASALAH

Sememangnya nama Tunku telah terkenal sebagai seorang tokoh politik yang ulung di negara kita, khususnya sumbangan Tunku kepada negara kita dan antarabangsa. Sumbangan Tunku telah diakui dan diberi pengiktirafan sehingga mendapat gelaran “Bapa Kemerdekaan”, begitu juga kajian terhadap hal yang berkaitan dengan Tunku juga bukanlah sedikit. Walau bagaimanapun, jika diteliti, kajian tentang ucapan Tunku khususnya dari perspektif bahasa hampir tidak diperoleh, sedangkan Tunku turut memberikan sumbangan dari segi bahasa. Sumbangan Tunku terhadap bahasa Melayu terakam melalui kata-kata Mantan Yang Dipertua Negeri Sarawak dan Ketua Menteri Sarawak, Tun Abdul-Rahman Ya’akub (dalam Armin Azhari Saleh, 2004: 63) seperti yang berikut:

Tunku memperjuangkan bahasa di belakang tabir dengan cara tersendiri, hingga perjuangan itu berjaya meletakkan bahasa Melayu di tempatnya. Jika hal itu tidak berlaku, barangkali bahasa rasmi negara ini bukan bahasa Melayu. Maka barangkali juga tidak salah jika Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri) dinobatkan sebagai pejuang bahasa yang ulung.

Persoalan yang ditimbulkan di sini ialah adakah sumbangan Tunku terhadap bahasa setakat “di belakang tabir”? Oleh yang demikian, kajian terhadap Tunku dari perspektif bahasa, khususnya penggunaan ujaran implisit dalam ucapan, amat perlu dilakukan bagi memperlihatkan kebijaksanaan Tunku menggunakan unsur yang paling dekat dengan persekitaran pendengar untuk menyampaikan mesej yang tersirat. Perbincangan kajian ini tertumpu pada penggunaan simbol oleh Tunku untuk membawa mesej secara tersirat dalam ucapan. Dalam konteks kajian

ini, teks ucapan Tunku diteliti bagi memperlihatkan kebijaksanaan dan tanggungjawab Tunku ketika menyampaikan ucapan. Dengan ini, teks ucapan Tunku diteliti bagi menjawab persoalan iaitu: (i) Apakah simbol yang digunakan oleh Tunku untuk menyampaikan mesej tersirat?; (ii) Bagaimanakah simbol tersebut diinterpretasi oleh pendengar? Persoalan kajian inilah menjadi titik tolak kepada kajian ini dilakukan, dan penentuan objektif kajian. Objektif kajian adalah untuk (i) mengenal pasti simbol yang digunakan oleh Tunku sebagai ujaran implisit. (ii) Menganalisis simbol dengan TR bagi mendapatkan makna yang sebenar.

Kajian ini turut memperlihatkan aspek penting dalam komunikasi iaitu: (a) kemampuan simbol bagi menyampaikan makna implisit; (b) Kepentingan pentafsiran makna implisit melalui TR. Selain itu, sumbangan Tunku dalam bahasa juga dapat dilihat secara tidak langsung melalui kebijaksanaan menggunakan simbol tertentu untuk penyampaian mesej. Penggunaan unsur implisit dalam ucapan juga menampilkan penggunaan bahasa dan keperibadian mulia Tunku ketika berbicara.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dengan mendedahkan fenomena penggunaan simbol dalam menyampaikan mesej tersirat. Kajian ini merupakan kajian data korpus dengan data kajian diperoleh daripada Ucapan Yang Dipertua UMNO bertarikh 5 April 1953 dan Ucapan Ketua Menteri Keharmonian Antara Kaum di Melaka bertarikh 16 Februari 1957. Teks ucapan tersebut yang diperoleh daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia. Tiga sampel data, iaitu “ribut taufan”, “racun” dan “kota” akan dikemukakan untuk dianalisis dengan menggunakan TR yang menekankan kepentingan konteks dalam penginterpretasian makna implisit. Pemilihan tiga data ini berdasarkan prinsip: (1) data tersebut merupakan simbol yang dirujuk kepada objek; (2) data tersebut mempunyai makna implisit; (3) sesuai dianalisis dengan berdasarkan TR; dan (4) menepati objektif kajian.

TEORI RELEVANS

TR diasaskan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson pada tahun 1986 melalui buku *Relevance Communication and Cognition* (1986). Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992:33), Prinsip relevans lebih menekankan

bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dengan pendengar. Selain itu, penutur seharusnya dapat menjamin yang dibualkan itu benar-benar relevan serta sesuai untuk difahami oleh pendengar. Dengan kata lain, penutur dapat memastikan yang diperkatakan itu mempunyai ciri relevans yang optimal. Relevans yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Dengan itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan.

Semasa menyampaikan ujaran, penutur seharusnya bertanggungjawab memastikan ujarannya mengandungi maklumat yang sama dengan perhatian pendengar. Hal ini kerana pendengar akan memberikan perhatian yang relevan dengan dirinya. Penutur haruslah memberikan maklumat yang relevan dengan penaakulan dan persepsi pendengar dengan memberikan andaian tambahan kepada persekitaran kognitif pendengar. Apabila adanya andaian tambahan yang diberikan ini sama dengan maklumat yang difahami oleh pendengar, maka ujaran itu dianggap relevan (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2005)

Menurut Sperber dan Wilson (1986), pragmatik memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi lisan. Selain kod yang digunakan, proses inferens untuk memahami ujaran juga patut diambil kira. Kod dan inferens digabungkan untuk membolehkan manusia mencapai tahap komunikasi yang lebih canggih (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007:46). Menurut Fatimah Subet (2010:97) pula, dalam TR, proses inferensi ini akan membolehkan satu rumusan terhadap andaian dibuat. Oleh itu, kemungkinan memperoleh pelbagai andaian itu sebenarnya telah terlebih dahulu melalui proses inferens. Bukti inferens terlibat dalam komunikasi dapat ditunjukkan dengan situasi /contoh di bawah :

Seorang peminat bola sepak dalam keadaan mengantuk di hadapan televisyen yang menyiarkan perlawanan bola sepak secara langsung, tiba-tiba terdengar suara pengulas:

Kod : “gol” –merupakan input bagi komunikasi
 Inferens : “jaringan dihasilkan”– merupakan output bagi komunikasi

Tiga konsep penting yang ditekankan oleh TR dalam pentafsiran makna ialah konteks, kesan konteks dan kos proses.

KONTEKS

Sperber dan Wilson (1986:15-16) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 2007:49) menyatakan bahawa konteks ialah seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran yang terdahulu yang paling hampir. Konteks juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi ujaran.

KESAN KONTEKS

Menurut Nor Hashimah (1991:476&477, 2007:50-51), Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006:12), Zaiton Ismail (2003:36), kesan konteks atau kesan kognitif ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Apabila kesemuanya mendapat maklumat konteks dalam ujaran penutur, maklumat itu akan diproses tiga cara, sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar sesuatu ujaran untuk mendapatkan kesan konteks yang tinggi (ketiga-tiga proses ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam subtajud “Subgagasan TR”). Tiga cara memperoleh kesan konteks ialah:

- (1) menggabungkan dengan konteks yang sedia ada;
- (2) menguatkan andaian yang sedia ada;
- (3) berlaku pertentangan maklumat dan menggugurkan andaian lemah yang wujud.

USAHA MEMPROSES

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007:53), dalam menginterpretasikan ujaran, selain kesan konteks dan konteks yang melatari perbualan, usaha memproses maklumat juga harus dititikberatkan. Usaha memproses ialah usaha yang terlibat dalam menginterpretasikan makna ujaran. Usaha memproses ini merujuk kepada usaha memproses maklumat oleh

pendengar. Bagi penutur pula, usaha memproses juga penting untuk memastikan yang ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Mengikut definisi relevans, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini hanya mengemukakan tiga data yang merupakan simbol yang digunakan oleh Tunku dalam teks ucapan yang dipilih. Penganalisan data juga mengambil ujaran lain yang dapat membantu menginterpretasi makna implisit data tersebut. Hal ini selaras dalam TR yang menyatakan bahawa ujaran sebagai satu wacana, bukan satu perkataan sahaja. Tambahan pula, ujaran sebelum dan selepas ini dapat membantu menginterpretasi unsur implisit sama ada melalui penggabungan, penguatan atau pengguguran.

Analisis TR Terhadap Data 1 : “Ribut Taufan”

Data 1 merupakan frasa nama yang daripada kata nama konkrit “ribut” sebagai kata intinya dan disertai dengan penerang yang juga terdiri daripada kata nama, iaitu “taufan”. Selain itu, “ribut” dapat digabungkan dengan “taufan”. “Ribut” juga dapat digabungkan dengan perkataan lain untuk membentuk “angin ribut”, “hujan ribut”, “turun ribut”, “ribut angin”, “ribut api”, “ribut pasir”, “ribut petir”, “ribut salji”, “ribut tenggara”.

Data (1) “ribut Taufan” dipilih sebagai data kerana frasa nama ini dirujuk kepada objek yang berada di alam sekeliling, iaitu sebagai fenomena cuaca. Hal ini selaras dengan pernyataan Asmah Haji Omar (1982:28) yang turut menyenaraikan “angin” sebagai objek atau benda yang konkrit.

Perkataan “ribut” juga terdapat dalam bentuk peribahasa, iaitu “tak ada ribut masakan daun bergoyang” yang bermaksud “tentu ada sebabnya maka terjadi sesuatu perkara”. Daripada peribahasa tersebut, “ribut” dilihat mempunyai daya untuk mempengaruhi sesuatu.

Data (1) frasa “ribut taufan” terdapat dalam Ucapan Yang Dipertua UMNO (5 APRIL 1953).

Data “Ribut Taufan” muncul dalam ujaran seperti yang berikut:

Penaja-penaja persidangan yang akan diadakan pada 27 April itu termasuk tujuh orang Menteri Besar dan orang-orang yang ternama di

dalam negeri ini, tetapi tiada asa seorang pun daripada mereka yang mewakili mana-mana pertubuhan Siasah negeri ini. Dari sini tuan-tuan dapatlah mengetahui bagaimana mereka menaruh bimbang atas pilihan raya yang kita kehendaki itu. Dengan perhimpunan orang-orang sebagai ini kita boleh syak apa kuasa dan siapa yang ada di belakang yang menghasut bagi diadakan perjumpaan itu. Kerajaan British pun tentu tiada suka diadakan Pilihan Raya Persekutuan ini kerana dengan adanya Pilihan Raya itu bererti bertambah dekat kita kepada Kemerdekaan. Kita tidak berasa hairan yang Menteri Besar Kedah yang selamanya tiada mengambil bahagian dalam pergerakan politik pun tiba-tiba sekarang telah bersetuju dan bersepahan dalam perkara ini dengan Dato' Onn.

Satu perkara yang kita ketahui iaitu mereka pembesar-pembesar Melayu, mereka telah mengasingkan diri mereka daripada rakyat jelata. Selama ini, saya berkata-kata sahaja bahawa UMNO tidak dapat sokongan daripada pembesar-pembesar dan UMNO ini berdiri dengan bertulang belakang kepada rakyat jelata sahaja. Sekarang ini telah ternyata suatu garisan telah terletak yang mengasingkan rakyat dengan pembesar-pembesar itu. Dan di sebelah perenggan pembesar-pembesar itu termasuklah barisan kerajaan British, kerajaan Melayu dan hartawan-hartawan dalam negeri ini.

Perjuangan kita telah pun dimulakan dan bersedialah untuk menghadapi segala ribut taufan yang di hadapan kita. Inilah maknanya yang saya katakan masa yang sangat genting maka dapat atau tidak kita mengadap ribut dan taufan ini terpulanglah kepada tuan-tuan sekalian.

Sekiranya tuan-tuan ada iman yang tetap dan semangat berjuang nescaya dapatlah kita mengadap segala mara bahaya dan menanggung segala azab sengsara dan penderitaan yang akan menimpa ke atas kita ini.

Frasa “ribut taufan” pada peringkat makna harfiahnya berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) bermaksud seperti yang berikut:

Ribut: (1) Angin ribut, angin kencang, badai; (2) Keadaan cuaca buruk yang merupakan gabungan unsur seperti angin, tekanan, awan dan kerpasan, yang merangkumi ribut petir, siklon dan tornado.

Taufan : 1. angin ribut, badai

Berdasarkan makna linguistik tersebut, “ribut taufan” telah dijelaskan sebagai fenomena alam. Sebagai pengetahuan sedia ada atau pengalaman pendengar, rata-ratanya pendengar mengetahui bahawa ribut taufan ini akan membawa kemusnahan alam sekitar kerana ribut akan menerbangkan bumbung bangunan rumah, membawa banjir besar, dan mengakibatkan kehilangan harta benda dan nyawa. Menurut Soenjono Dardjowidjojo (2007& 57), sebagai anggota masyarakat, kita telah hidup bersama dengan alam sekitar. Alam sekitar ini memberi kita pengetahuan tentang kehidupan di dunia. Pengetahuan ini bersifat universal, dan ada yang lokal. Dalam kajian ini pengalaman tentang “ribut taufan” ini bersifat universal kerana rata-rata manusia mengetahui ribut taufan. Pengetahuan sedia ada pendengar tentang ribut taufan ini telah bertindak sebagai konteks pemula yang baik bagi menafikan makna linguistiknya sebagai makna yang sebenar berdasarkan konteks ujaran. Dalam TR, pengetahuan sedia ada perlu untuk menghampiri makna yang hendak dikemukakan. Hal ini selaras dengan pendapat Sperber dan Wilson (1986:15) dalam Nor Hashimah Jalaluddin (1991:476) bahawa maklumat tentang persekitaran yang paling dekat dan ujaran yang terdahulu yang paling hampir, jangkaan masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan agama, kenangan lampau, andaian am tentang budaya dan kepercayaan juga memainkan peranan yang penting dalam penginterpretasian makna.

Bagi membantu menginterpretasi data (1) ini, maka ringkasan ucapan dikemukakan. Dalam ucapan tersebut, Tunku juga menyatakan jangkaan bahawa Pilihan Raya Majlis Mesyuarat Undangan akan mencapai kemenangan seperti Pilihan Raya Daerah sebelum itu. Syarat kebolehan mengundi bagi orang bukan Melayu harus diberikan. Tunku juga mengatakan bahawa UMNO tidak mendapat sokongan pembesar-pembesar, barisan kerajaan British, kerajaan Melayu dan hartawan-hartawan dalam negeri ini. Oleh itu, Tunku menyatakan bahawa Perjuangan UMNO telah pun dimulakan dan bersedialah untuk menghadapi segala ribut taufan yang ada di hadapan.

Dengan berdasarkan ringkasan ucapan, tersebut jelaslah bahawa makna linguistik “ribut taufan” sebagai angin kencang jelas tidak memaparkan makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh Tunku kerana ucapan Tunku bukan berbicara tentang fenomena alam. Sebaliknya ucapan Tunku pada masa itu ialah ucapan sebagai yang Dipertua UMNO yang berlatarbelakangkan politik dan berkisar tentang perjuangan UMNO. Dengan kata lain, makna linguistik tersebut tidak selaras dengan konteks ujaran.

Sebelum analisis TR dilakukan, dikemukakan ujaran yang mempunyai data (1), iaitu “ribut taufan”.

Perjuangan kita telah pun dimulakan dan bersedialah untuk menghadapi segala ribut taufan yang di hadapan kita.

Makna tersirat akan dapat dicari dengan aplikasi TR dengan menentukan kod, inferens dan andaian. Andaian yang dikemukakan bagi frasa “ribut taufan” adalah di bawah:

Andaian : cabaran besar

Menurut Blakemore (1992) dan Gutt (2000) dalam Muhammad Fauzi Jumingan (2003:143), sebenarnya dalam proses komunikasi, manusia suka membuat spekulasi terhadap apa-apa yang diujarkan oleh orang lain. Spekulasi begini menghasilkan beberapa andaian. Jadi, kajian ini melihat andaian yang dikemukakan di atas juga dapat dikatakan sebagai jangkaan terhadap makna penutur. Dalam TR, pendengar akan membina andaian dan kemudian memproses andaian sebagai wacana awalan. Menurut Muhammad Fauzi Jumingan (2003:184), andaian ini akan muncul dalam pemikiran pembaca (pendengar) dan akan diproses dengan cepat. Proses psikologi yang pantas ini dibuat berdasarkan konsep deduksi atau inferens. Melalui deduksi atau inferens ini, andaian yang tidak logik dan munasabah kerana tidak konsisten dan relevan dengan konteks asal teks akan digugurkan.

Hasil analisis TR mendapati bahawa andaian yang dibentuk ini dapat mencapai kerelevanannya kerana apabila dihubungkan dengan konteks ujaran, andaian ini dapat menghasilkan kesan kognitif yang tinggi dan usaha memproses andaian juga adalah rendah. Walau bagaimanapun, sebelum mendapatkan andaian yang paling relevan bagi frasa “ribut taufan” ini, beberapa kekaburan yang berkaitan dengan data ‘ribut taufan’ ini perlu dijelaskan:

(a) Siapakah yang dirujuk dengan kata ganti nama diri “kita”?

Penggunaan kata ganti nama diri “kita” dalam ujaran di atas perlu dijelaskan. Dalam rumus tatabahasa, Kata ganti nama diri “kita” ialah ganti nama diri orang pertama dalam bentuk jamak (terdiri daripada orang yang

bercakap dan orang yang dilawan bercakap). “Siapakah yang bercakap?”, dan “siapakah pula orang yang dilawan bercakap dalam konteks ucapan ini?”. Dalam ujaran tersebut, tidak dinyatakan secara eksplisit “siapakah kita?”. Oleh yang demikian, dalam hal ini, pengkajian pragmatik amatlah penting kerana pragmatik melibatkan peranan konteks. Jika diteliti, tajuk ucapan telah membekalkan konteks kepada penyelesaian kekaburan “kita”. Tajuk ucapan, iaitu “Ucapan Yang Dipertua UMNO” telah menjadi anteseden kepada kata ganti nama diri “saya” kerana “saya” mendapat rujukannya daripada ‘Yang Dipertua UMNO’. Siapakah “Yang Dipertua UMNO”? Konteks persekitaran dapat menjelaskan kekaburan ini kerana pendengar pada ketika itu memang menghadapi orang itu, iaitu “Tunku Abdul Rahman”.

Jadi, siapakah pendengar pula? Sekali lagi konteks persekitaran memainkan peranan yang penting. Konteks persekitaran dapat diketahui dengan berdasarkan tajuk ucapan juga. Oleh sebab ucapan tersebut disampaikan dalam perjumpaan UMNO, maka sudah tentu pendengarnya ialah ahli-ahli UMNO. Dengan ini, kekaburan kata ganti nama diri “kita” dapat dijelaskan iaitu “Tunku dan ahli-ahli UMNO”. Oleh hal demikian, frasa “perjuangan kita” sudah tentu merujuk “perjuangan UMNO”. Jadi, pada maksud lapisan pertama ini, makna linguistik yang diperoleh ialah perjuangan UMNO akan menghadapi “ribut taufan” di hadapan.

(b) Apakah maksud sebenar “ribut taufan”?

Makna linguistik “ribut taufan” didapati tidak selaras dengan konteks. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007:71), sebagai penutur, dia mesti memastikan ujarannya selari dengan konteks pendengar. Konteks boleh menjadi satu pengalaman yang begitu luas, maka di sini perlu dihadkan pemilihan konteksnya agar pendengar dapat memproses ujaran penutur dengan lebih mudah. Caranya adalah dengan memastikan perkataan yang bakal dipilih akan membantu mengembangkan konteksnya supaya selari dengan yang cuba disampaikan oleh penutur itu sendiri. Bagi data “ribut taufan”, pendengar percaya bahawa penutur telah membekalkan maklumat konteks untuk mendapatkan makna sebenar “ribut taufan” ini. Oleh itu, pemilihan rujukan yang tepat amatlah penting di sini. Salah pemilihan rujukan akan menghasilkan penginterpretasian yang tidak tepat.

Sebagaimana yang dikatakan bahawa pengetahuan sedia ada pendengar tentang “ribut taufan” sebagai fenomena alam yang amat menakutkan kerana membawa ancaman yang besar ini amat membantu

dalam mendapatkan makna sebenar “ribut taufan” dalam konteks ucapan. Mereka akan dapat mengaitkan frasa “ribut taufan” dengan “cabaran besar” berdasarkan pengalaman mereka tentang fenomena alam “ribut taufan”. Hal ini selaras dengan pendapat Puteri Roslina Abdul Wahid (1994:326) bahawa makna yang terselindung yang memerlukan pemikiran yang kritis dan persepsi yang mendalam untuk dapat mengesannya.

Dalam konteks ucapan, apakah pula maksud perjuangan UMNO menghadapi ancaman? Dalam hal ini, ujaran lain yang dapat menjadi rujukan untuk mendapatkan makna “ribut taufan” digunakan. Hal ini kerana menurut Fatimat Subet (2010:108), leksikal atau ujaran lain berperanan sebagai konsep tambahan atau konsep *ad hoc* yang dibina oleh pendengar untuk mengukuhkan pemahaman mereka. Penginterpretasian juga menjadi mudah. Dalam menginterpretasikan data (1) ini, penggabungan ujaran terdahulu dengan andaian ini dilakukan. Andaian awal tersebut dapat digabungkan dengan kehadiran ujaran terdahulu yang menjadi punca “ribut taufan” berlaku bagi menghasilkan kesan kognitif.

Melalui RRS, anteseden kepada “ribut taufan” ini dapat dikesan dalam ujaran terdahulu seperti di bawah :

- Ujaran i: ...tujuh orang Menteri Besar dan orang-orang ternama di dalam negeri ini... menaruh bimbang atas pilihan raya yang kita kehendaki itu.
- Ujaran ii: ... kita boleh syak apa kuasa dan siapa yang ada di belakang yang menghasut bagi diadakan perjumpaan itu.
- Ujaran iii: Kerajaan British pun tentu tiada suka diadakan Pilihan Raya Persekutuan itu....
- Ujaran iv: Menteri Besar Kedah yang selamanya tiada mengambil bahagian dalam pergerakan politik pun tiba-tiba sekarang telah bersetuju dan bersepahan dalam perkara ini dengan Dato’ Onn...
- Ujaran v: ...UMNO tidak dapat sokongan pembesar-pembesar...

Melalui ujaran terdahulu (i-v), terdapat anteseden kepada “ribut taufan” (cabaran besar kepada UMNO, iaitu “Menteri menaruh bimbang”, “menghasut”, “tiada suka”, “bersepahan dengan Dato’ Onn”, dan “tidak

dapat sokongan pembesar-pembesar”. Anteseden kepada “ribut” taufan ini ternyata merupakan “cabaran besar” kepada perjuangan UMNO. Ujaran terdahulu merupakan cabaran hebat kepada Tunku kerana ungkapan ini memberikan gambaran bahawa Tunku kurang mendapat kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak. Oleh yang demikian, Tunku melihat perjuangan kemerdekaan ini sebagai terpaksa “menghadapi segala ribut taufan”. Penggunaan frasa “ribut taufan” bagi merujuk “cabaran besar” yang dihadapi oleh UMNO adalah berkesan kerana sebagai maklumat ensiklopedia pendengar, semua orang tahu akan kesan buruk ribut taufan. Jadi, penggabungan ujaran terdahulu (ujaran i hingga iv) yang disokong pula oleh maklumat ensiklopedia tentang “ribut taufan” dapat memperkukuh andaian yang dibuat (cabaran besar). Penguatan maklumat telah berlaku apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan maklumat baharu yang diberikan oleh penutur. Malah maklumat awal itu dapat disahkan dan ternyata betul untuk membentuk kesan konteks yang baik dan berguna kepada pendengar untuk membantunya menginterpretasi makna ujaran.

Melalui RRS juga, dapat dikesan bahawa terdapat rujukan yang dapat membantu menjelaskan makna sebenar “ribut taufan” ini. Rujukan tersebut daripada ujaran wujud selepasnya, iaitu :

- | | |
|-------------|--|
| Ujaran vi. | Perjuangan kita telah pun dimulakan dan bersedialah untuk menghadapi segala ribut taufan yang di hadapan kita. Inilah maknanya yang saya katakan masa yang sangat genting maka dapat atau tidak kita mengadap ribut dan taufan ini terpulanglah kepada tuan-tuan sekalian. |
| Ujaran vii. | Sekiranya tuan-tuan ada iman yang tetap dan semangat berjuang nescaya dapatlah kita mengadap segala mara bahaya dan menanggung segala azab sengsara dan penderitaan yang akan menimpa ke atas kita ini. |

Daripada ujaran (vi) dan (vii), Tunku merujuk “ribut taufan” sebagai “masa yang genting” (makna linguistik “genting”: tegang, berbahaya-akan pecah perang dan lain-lain) dan “segala mara bahaya dan menanggung segala azab sengsara dan penderitaan”. Kedua-dua ujaran wujud selepasnya itu memberikan gambaran bahawa “ribut taufan” sebagai cabaran yang tidak dapat ditentukan. Daripada ungkapan tersebut, menghadapi “ribut taufan”

yang dimaksudkan Tunku serupa menghadapi masa yang genting, segala mara bahaya dan mengganggu segala azab sengasara dan penderitaan. Daripada ungkapan itu, Tunku juga menyenaraikan beberapa kesan yang dijangka akan berlaku. Penggunaan kata bilangan “segala mara bahaya” yang bermaksud “semua/pelbagai bahaya” serta penggunaan kata hubung “dan” menunjukkan pelbagai ancaman atau cabaran, yang pasti kesemua ancaman atau cabaran ini tidak disukai oleh sesiapaupun. Oleh itu, “cabaran hebat” adalah relevan bagi membawa maksud “ribut taufan”. Hal ini dapat diperkuatkan oleh pengetahuan sedia ada pendengar bahawa manusia juga tidak dapat meramal kedatangan ribut taufan pada masa itu (sekarang ini barulah ada teknologi untuk mengesan kehadiran ribut taufan tetapi bencana alam ini adakalanya tetap melanda di luar jangkaan manusia juga).

Makna sebenar bagi “ribut taufan” sebagai “cabaran besar” didapati tinggi kesahannya. Antecedent yang diperoleh melalui Rangka Rujuk Silang (RRS) telah mendapati bahawa ujaran terdahulu dan ujaran wujud selepasnya mampu menyediakan konteks yang jelas ditambah pula peranan kognisi pendengar telah berjaya menghasilkan interpretasi yang tepat terhadap makna sebenar “ribut taufan”. Dalam TR, kita dibenarkan menghasilkan satu set proposisi dalam ujaran. Set proposisi ini ada yang dilahirkan secara langsung melalui makna perkataan-perkataan yang digunakan (leksikal-leksikal) dan sebahagian lagi dihasilkan secara tidak langsung dan diperoleh maklumatnya melalui inferens. Jadi, kajian ini mendapati bahawa “cabaran besar” ini sangat tinggi kesahannya kerana pendengar tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Dalam TR, kurangnya usaha memproses sesuatu ujaran, semakin tinggilah kesahan ujaran tersebut sebagai makna yang sebenar.

Sebagaimana yang dikatakan bahawa “cabaran UMNO” dilihat “ribut taufan”. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan “ribut taufan” amat sinonim dengan UMNO khususnya Parti Perikatan. Hal ini kerana lambang kepada parti Perikatan pada masa itu ialah kapal layar yang sememangnya “belayar” di lautan yang akan menghadapi ribut taufan pada bila-bila masa. Menurut Tunku (1980:49), “...dalam mesyuarat Perikatan, kami menerima “kapal Layar” sebagai lambang pilihan raya kami.... Kapal layar Perikatan telah mengharung lautan luas, telah banyak menempuh ribut taufan politik, dan menanggung pukul angin ribut daripada pihak pembangkang, tetapi tetap muncul dengan kemenangan”.

Daripada ungkapan di sini, Tunku ada menyebut “ribut taufan politik”. Hal ini selari dengan data (1) ribut taufan kerana data (1) ini muncul dalam

ucapan Tunku pada tahun 5 April 1953. “Ribut taufan politik” pula muncul ketika mengimbas kembali peristiwa sebelum Pilihan Raya Persekutuan 1955. Melalui analisis TR, “Ribut taufan” ini merupakan segala ancaman kepada UMNO pada masa itu. Kajian ini mendapat maklumat tentang peristiwa yang bersifat ancaman kepada UMNO dalam tempoh selepas Pilihan Raya Perbandaran 1952 dengan Pilihan Raya Persekutuan 1955 daripada buku “Pandang Balik”:

(i) Tentangan terhadap Cadangan Pilihan Raya Persekutuan 1955

Setengah “mandur” menyindir bahawa, “Tin yang kosong kuat bunyinya” dan bahawa saya jangan dipedulikan. Kata mereka, “suaranya akan diterbangkan oleh angin lalu”. Saya menjerit lebih kuat sedikit, dan mereka mengusulkan supaya saya “diajar” (Tunku Abdul Rahman 1980:21)

(ii) Cadangan Tunku tidak mendapat sokongan beberapa pihak

Persidangan itu kami adakan juga dan berjanji akan menuntut Pilihan Raya Kebangsaan Tanah Melayu dalam tahun 1954 dengan diikuti oleh kemerdekaan. Kami berseru kepada pelbagai parti politik atau kumpulan yang ada supaya menyertai kami dalam menuntut kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Tidak ada yang menyambut seruan kami itu.... (Tunku Abdul Rahman, 1980: 21)

(iii) Tentangan daripada Menteri Besar Perak (anggota UMNO paling besar)

Dalam pertemuan di Melaka, UMNO mengusul dan mengumumkan tekad kami untuk mencapai kemerdekaan dalam tempoh tiga tahun. Perak yang mempunyai anggota UMNO paling besar dengan sembilan bahagian keluar meninggalkan Persidangan itu... Menteri Besar Perak, Datuk Panglima Bukit Gantang, seorang yang tegas dan degil kemudiannya membentuk Parti Kebangsaan Perak bagi menentang UMNO. (Tunku Abdul Rahman, 1980: 22)

(iv) Tentangan Sultan-sultan kerana bimbang nasib mereka

Sultan-sultan tetap berkeras dan enggan mengalah. Mereka bimbang tentang kemungkinan yang akan berlaku kepada diri mereka jika

rakyat mempunyai kuasa dalam negeri. (Tunku Abdul Rahman, 1980:32).

(v) Kepimpinan Tunku Abdul Rahman 1955

Kepimpinan Tunku Abdul Rahman semakin tercabar pada tahun 1955 kerana barisan kepimpinan Melayu radikal dibebaskan oleh British daripada kem-kem tahanan politik. Ia memberikan kekuatan baru kepada parti pembangkang Melayu yang terdiri daripada Parti Negara, Parti Rakyat Malaya, dan PAS. (Ishak Saat, 2007:12).

(vi) Tentangan yang dihadapi oleh Tunku sejak memegang jawatan Yang Dipertua UMNO

Sekarang saya terpaksa mengambil alih parti yang dalam kedudukan hidup segan mati tak mahu; Dato' Onn telah memutuskan untuk keluar dari UMNO buat selama-lamanya, dan meninggalkannya dengan keadaan miskin dan tidak berdaya... saya terpaksa menyingsing lengan baju. Dalam pada itu, kami terpaksa menghadapi lawan kami yang utama, iaitu orang yang mengasaskan UMNO.... (Tunku Abdul Rahman, 1980:390)

Sebenarnya, cabaran besar terhadap ancaman UMNO telah dirasai lebih awal daripada itu, iaitu berlaku semasa tahun 1951 (semasa Tunku mengambil alih pucuk pimpinan UMNO daripada Dato' Onn bin Jaafar). Ancaman ini digambarkan oleh Tunku seperti yang berikut:

Pada masa itu boleh dikatakan UMNO adalah dalam kesulitan yang sangat besar. Pertamanya saya dan pemimpin-pemimpin yang baharu belum biasa dan belum mahir dalam pekerjaan politik, kedua- ada dalam Jawatankuasa Agung UMNO orang-orang yang bersimpati dengan Dato' Onn dan sentiasa mengacau dan menghalang Jawatankuasa itu, Ketiga- pegawai dalam pejabat UMNO daripada secretary- General, kerani besar meletak jawatan untuk menyertai Parti Dato' Onn yang baru itu. (Tunku Abdul Rahman, 1956:5)

Analisis TR terhadap Data (2): “Kota”

Perkataan “ kota” muncul dalam ujaran seperti pada halaman yang berikutnya:

Pada hari ini, tak usahlah kita hendak ingat diri kita sahaja, kita tidak mahu menipu diri dan tidak hendak berbohong. Seperti yang kita tahu Kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkannya kota, kota itu dibuat dengan kuat dalam masa mereka itu memerintah di negeri ini. Jika kita hendak meroboh atau nak meruntuh kota itu dengan sekali gus tidak sekali-kali kita boleh buat. Kita kena mengambil masa, masa itu kita kena ambil dengan mengadakan cara-cara yang membolehkan perkakas-perkakas yang boleh merobohkan atau meruntuhkan kota ini. Perkakas-perkakas itu ialah *education* pelajaran, kenalah semua penduduk-penduduk di sini mengadakan satu polisi pelajaran bagi semua orang tidak kira apa bahasa mereka belajar, apa bahasa mereka cakap, pun boleh beri mereka ini berasa pelajaran itu menjadikan mereka itu Malayan.

Data “kota” dalam ucapan ini telah dikesan mempunyai makna yang tersirat. Sebelum usaha menginterpretasi makna tersirat atau implisit dilakukan, kajian ini terlebih dahulu mendapatkan makna linguistiknya. Hal ini penting sebagaimana yang dikatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1992:23-24) bahawa semantik dan pragmatik saling memerlukan antara satu sama lain bagi menginterpretasi ujaran. Sesuatu ujaran yang mempunyai maksud yang implisit haruslah dicari maknanya yang sebenar di sebalik maksudnya yang eksplisit. Jadi, dalam kajian ini, penganalisisan makna meskipun dilakukan secara pragmatik bagi mendapatkan makna implisitnya (kerana semantik hanya mampu menyediakan makna linguistik/logik sahaja), makna linguistik juga dapat membantu penginterpretasian makna implisit ini.

Kajian ini terlebih dahulu mengemukakan makna linguistiknya berdasarkan penjelasan oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2003:140) seperti yang berikut:

- Kota :
1. Bandar , bandar raya, metro, metropolitan, metropolis, pekan, pura.
 2. Adang, batas, bendungan, benteng, bidai, birai, dinding, had, halangan, jerihi, jerjak, jeruji, kandang, kepungan, ke sisi, langsir, pagar, panahan, penghalang, penolak, pemantul, perisai, pelindung sempadan, sekatan, skrin, tabir, tembok, tirai.

Data “kota” tersebut mudah dikesan makna linguistiknya kerana makna ini diperoleh daripada tesaurus. Adakah makna linguistik yang

diberikan itu tersebut bagi data “kota” merupakan makna yang sebenarnya yang hendak disampaikan dalam ucapan tersebut? Menurut Rahmat Ismail (2000:21), ucapan ialah kandungan isi bacaan yang telah ditentukan oleh pihak tertentu untuk diluahkan dengan tujuan tertentu. Isi kandungan bergantung pada keadaan majlis. Dengan berdasarkan tajuk ucapan, iaitu tentang keharmonian kaum, pendengar telah mengaitkannya dengan perpaduan yang ingin disemai oleh Tunku. Keadaan ini membina konteks persekitaran kepada pendengar. Oleh itu, pendengar akan lebih mudah menginterpretasi ujaran Tunku. Di sini, dikemukakan sebahagian daripada kandungan teks ucapan bagi membantu menginterpretasi makna ujaran bagi data “kota” ini: Ucapan ini disampaikan oleh Tunku ketika berjumpa dengan kaum Melayu, Cina dan India kerana ketika itu Tanah Melayu akan merdeka tidak lama lagi. Tunku menekankan kepentingan keharmonian kaum. Tunku juga mengimbas kembali tentang cara pemerintahan British di Tanah Melayu sehingga menyukarkan usaha untuk mencapai persefahaman antara kaum.

Memandangkan kata “kota” mengandungi makna implisit dalam ujaran tersebut. Di sini, TR diperlukan untuk menginterpretasi makna “kota” yang sebenarnya. Terlebih dahulu, kajian ini mengemukakan andaian yang muncul dalamognisi pendengar:

- Andaian:
- (a) dasar pecah dan perintah
 - (b) bandar besar yang dikelilingi benteng
 - (c) menjadi penghalang kepada sesama manusia
 - (d) batu-bata yang mengelilingi kediaman manusia

Andaian ini diperoleh secara spekulasi. Menurut Blakemore (1992) dan (Gutt 2000) dalam Muhammad Fauzi Jumingan (2003,143), spekulasi terhadap apa-apa yang diujarkan oleh orang lain akan menghasilkan beberapa andaian. Menurut Muhd Fauzi Jumingan (2003:93), Andaian ini menerjah masuk ke dalam minda pembaca atau pendengar secara pantas, Secara pantas juga, pembaca sasaran akan membuat deduksi terhadap set andaian tersebut bagi mencari kerelevanan yang paling optimal. Dalam kajian ini, andaian ini merupakan spekulasi penulis sebagai pembaca, pendengar atau pembaca lain boleh menyenaraikan andaian lain tetapi

akhirnya, andaian yang manakah paling relevan perlulah ditentukan melalui konteks melalui proses sama ada secara penggabungan, pengukuhan/penguatan, atau pengguguran bagi menimbulkan kesan konteks.

Melalui analisis TR, nyatalah bahawa data “kota” mudah diproses oleh pembaca. Inferens yang dibuat daripada data “kota” ini berkaitan dengan “penghalang atau sesuatu yang memisahkan”. Melalui inferens ini, andaian dikemukakan tersebut dibina untuk mendapatkan maksud yang lebih jelas selain makna linguistik sahaja. Andaian yang dibina ini akan menuju ke arah pengembangan konteks pemula tadi. Daripada andaian yang dibina ini, kajian ini berpendapat bahawa andaian (a), iaitu dasar “pecah dan perintah” merupakan andaian yang paling relevan.

Sebelum mendapatkan makna sebenar bagi data “kota” ini, pendengar telah melakukan pelbagai usaha penginterpretasian. Salah satu usaha yang paling penting ialah pendengar perlu merujuk konteks yang dibekalkan oleh penutur.

Bagi mendapatkan makna yang sebenar seperti yang dikehendaki oleh Tunku, konteks ujaran amatlah penting. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992:38), tidak ada had dalam mengembangkan konteks. Selain merujuk ujaran yang diujarkan oleh penutur, melihat ke arah alam persekitaran, atau merujuk catatan ensiklopedia bagi istilah yang telah digunakan dalam ujaran dan konteks, konteks juga dapat dikembangkan sehingga kesemua kepercayaan dan andaian telah dilibatkan dalam kesemua ruang konteks yang sesuai dengan ujaran. Menurut Nor Hashimah lagi (1992:64), konteks mestilah ditentukan secara pragmatik melalui proses pemilihan rujukan, pengayaan dan penyahtaksan. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa data “kota” ini dapat diperolehi makna implisitnya apabila dilakukan melalui RRS terhadap ujaran terdahulu, iaitu “British memerintah”.

Perhatikan hubungan antara dua bahagian ujaran ini:

seperti yang kita tahu kerajaan British memerintah dengan cara
dibuatnya kota.

Melalui RRS, perkataan “kota” sememangnya dapat dikaitkan dengan frasa “British memerintah” yang berada dalam ujaran yang sama dalam membina persekitaran kognitif. Hal ini dianggap telah diketahui oleh rakyat pada anggapan Tunku kerana Tunku menggunakan frasa terdahulu “seperti yang kita tahu”. Hal ini bermaksud Tunku menganggap bahawa dalam ensiklopedia pendengar, telah diketahui maklumat yang berkaitan

perkataan “kota”. Hal ini akan memudahkan pemahaman rakyat terhadap makna “kota” yang sebenar.

Frasa yang dirujuk, iaitu “British memerintah” oleh perkataan “kota” itu merupakan anteseden kepada kata yang terbabit. Frasa yang bersifat anteseden ini berada dalam catatan ensiklopedia pendengar, iaitu penduduk di Tanah Melayu kerana mereka sememangnya mempunyai pengalaman dijah oleh Inggeris. Mereka telah pun merasai cara pemerintahan Inggeris tersebut. Catatan ensiklopedia yang ada pada pendengar ini sekali gus telah menafikan makna linguistik tersebut sebagai makna yang sebenar. Hal ini bermakna pihak Inggeris bukan membina tembok batu, bandar raya, kota besar, kawasan kediaman semasa memerintah negara ini.

Kerelevanan andaian (a) sebagai makna yang sebenar dapat dibuktikan melalui maklumat tambahan atau hasil pengembangan konteks pemula tadi. Dalam TR konteks pemula dapat dikembangkan, iaitu: (1) melihat ke arah ujaran terdahulu; (2) melihat ke alam persekitaran; (3) merujuk kepada catatan ensiklopedia bagi istilah yang telah digunakan dalam ujaran dan konteks (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 2007:49). Salah satu daripada caranya ialah melalui penguatan maklumat oleh ujaran terdahulu. Ujaran terdahulu yang dimaksudkan ialah bahagian yang bergaris dalam ungkapan:

Seperti yang kita tahu kerajaan British memerintah dengan cara
dibuatkan-nya kota....

Seterusnya, kajian ini menggunakan konsep *ad hoc* yang dibenarkan dalam TR, iaitu ad-hoc penyempitan bagi membantu mendapatkan makna yang sebenar. Menurut Carston (1996:61-66) dalam Hasmidar Hassan (2006:100), *ad hoc* penyempitan membolehkan masalah ketaksaan ujaran ditangani dengan menyasarkan item leksikal yang tertentu dan mengukuhkan konsep yang dikodkan oleh item leksikal yang tertentu. Ujaran terdahulu “British memerintah ...” didapati amat membantu dalam hal ini. Frasa “British memerintah” bukan sahaja telah membantu menyempitkan maksud “kota” kepada skop yang lebih kecil tetapi juga menjadi rujukan kepada pendengar untuk dikaitkan dengan dasar pemerintahan Inggeris. Penggunaan *ad hoc* penyempitan bukan sahaja telah menafikan makna linguistik sebagai makna sebenar tetapi juga memudahkan proses mendapatkan makna sebenar data “kota”. Penggunaan frasa “seperti yang kita tahu...” menunjukkan bahawa Tunku

telah menganggap pendengar telah mempunyai rangka rujukan untuk menginterpretasi ujaran yang disampaikan selepas itu. Oleh itu, ujaran Tunku ini dilihat amat jelas dengan konteksnya dan mudah untuk diproses. Hal ini selaras dengan pendapat dengan Samsuddin A. Rahim (1993:29) yang mengatakan bahawa rangka rujuk ialah pengalaman dan pengetahuan tentang sesuatu perkara yang menjadi tajuk komunikasi. Komunikasi tidak akan berkesan sekiranya sumber dan penerima tidak mempunyai rangka rujuk yang sama. Dalam penginterpretasian data “kota” ini, Tunku telah menganggap makna “kota” ini telah ada dalam pengalaman pendengar dan yakin pendengar mampu menginterpretasikannya dengan tepat sebagaimana yang diinginkan.

Melalui RRS, ujaran terdahulu “...British memerintah...” telah menjadi anteseden kepada data “kota”. “kota” dari segi makna linguistik yang paling hampir dengan catatan ensiklopedia pendengar ialah “penghalang”. “Penghalang” ini berkaitan dengan “dasar pemerintahan Inggeris” dan bukannya bentuk konkrit seperti dinding, ataupun benteng. Dasar ini diamalkan oleh Inggeris semasa memerintah Tanah Melayu. Dengan ini, amat mudah pendengar dapat mengaitkan data “kota” ini dengan “dasar pecah dan perintah” kerana pendengar atau rakyat Tanah Melayu pada masa itu rata-ratanya sememangnya hidup terpisah dan adanya jurang interaksi dengan kaum lain. Keadaan ini dikaitkan dengan Inggeris kerana faktor ekonomi. Sememangnya menjadi pengetahuan dan pengalaman rakyat Tanah Melayu bahawa sumber ekonomi pelbagai kaum adalah berbeza: orang Cina kebanyakannya di lombong dan di bandar, orang India di estet, manakala orang Melayu sebagai nelayan dan tinggal di kampung. Hal ini selaras dengan pendapat Ahmad Fawzi Basri *et al.* (1987: xi) bahawa ketiga-tiga kaum (Melayu, Cina, dan India) mempunyai perbezaan yang besar dari segi kebudayaan, agama, bahasa, tempat tinggal dan ekonomi. Kajian ini berpendapat bahawa keadaan tersebut tentu menyempitkan ruang untuk berinteraksi sesama kaum. Hubungan antara kaum ini semacam terhalang oleh sesuatu. Hal ini dapat diketahui melalui pernyataan A. Rahman Rahim (1987:21) bahawa “Tidak ada keseimbangan ekonomi kaum bumiputera dengan bukan bumiputera sehingga mewujudkan “jurang pemisah”. Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa pengalaman hidup mereka ini memudahkan pentafsiran makna “... kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkannya kota...” sebagai sesuatu yang ada kaitan dengan pemerintahan Inggeris. Penggabungan atau interaksi antara andaian (a) dengan pengetahuan sedia ada pendengar ini dapat menimbulkan kesan kognitif.

Dengan melakukan rujuk silang antara data “kota” dengan antesedennya, maka usaha memproses dapat dimudahkan bagi menghasilkan kesan kognitif yang sempurna. Penggabungan andaian dengan maklumat baharu (ujaran terdahulu) ini mengesahkan andaian (a) dasar pecah dan perintah sebagai makna yang sebenar. Hal ini kerana hasil penggabungan antara andaian (a) dengan ujaran terdahulu ini dapat menimbulkan kesan konteks. Dengan ini, andaian lain yang tidak berkaitan dengan dasar pemerintahan Inggeris akan dianggap bertentangan dengan maklumat konteks tersebut. Pertentangan maklumat ini akan menyebabkan andaian tersebut menjadi lemah. Oleh itu, pendengar akan menggugurkan andaian yang lemah ini. Pengguguran andaian ini akan memudahkan usaha memproses pendengar bagi mendapatkan maklumat yang lebih relevan.

Selain itu, ujaran wujud selepasnya juga telah dikesan dapat membantu mengesahkan andaian (a) sebagai makna yang sebenar. Ujaran wujud selepasnya yang dimaksudkan adalah seperti di bawah:

... kerajaan British memerintah dengan cara dibuatnya kota....
perkakas-perkakas yang boleh merobohkan atau meruntuhkan kota
itu. Perkakas-perkakas itu ialah education pelajaran kenalah semua
penduduk-penduduk di sini mengadakan satu polisi pelajaran bagi
semua orang tidak kira apa bahasa mereka belajar, apa bahasa mereka
cakap.

Dengan berdasarkan ujaran di atas, hasil pemilihan rujukan melalui RRS antara perkataan “kota” dengan frasa “meruntuhkan kota itu...satu polisi pelajaran bagi semua orang” juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang rapat antara kedua-duanya. Kehadiran maklumat tambahan, iaitu frasa “meruntuhkan kota itu...satu polisi pelajaran bagi semua orang” turut menafikan andaian (b): bandar besar yang dikelilingi benteng, andaian (c): menjadi penghalang kepada sesama manusia, dan andaian (d): batu-batu yang mengelilingi kediaman sebagai makna yang sebenar kerana andaian tersebut “tidak mungkin dirobohkan dengan pelajaran”. Pertentangan berlaku antara andaian (b), (c), dan (d) dengan permis tambahan tersebut. Kekaburan yang timbul di sini ialah Mengapakah harus diadakan “satu polisi pelajaran” untuk meruntuhkan kota tersebut? Dengan berdasarkan makna linguistik yang dikemukakan oleh Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003: 274), “satu” bermaksud “cantum”. Mengapakah haruslah melakukan “pencantuman”? Pendengar

sudah tentu mengetahui bahawa lawan maksud pencantuman ialah “perpecahan”. Jadi, “satu polisi pelajaran” diadakan untuk mencantumkan sesuatu yang telah pecah. Siapa yang berpecah? Sudah tentu “manusia” kerana pelajaran ditujukan kepada “manusia”, iaitu rakyat Tanah Melayu”. Mengapakah rakyat berpecah? Jawapannya kerana “dasar pemerintahan kerajaan”. Apabila disebut “dasar pemerintahan kerajaan”, pendengar dapat mengaitkannya dengan “Dasar Pecah dan Perintah” kerana dasar ini tersedia dalam catatan ensiklopedia mereka. Oleh itu, “Dasar Pecah dan Perintah” ialah makna yang sebenar bagi data “kota” tersebut.

Melalui RRS, pemilihan rujukan yang sesuai telah membolehkan makna “kota” yang dihajati dapat diinterpretasi oleh pendengar. Hal ini kerana permis tambahan (ujaran wujud selepasnya) ini apabila digabungkan dengan andaian awal (a) “Dasar Pecah dan Perintah” tadi telah menghasilkan kesan kognitif yang tinggi. Sebaliknya andaian (b), (c), dan (d) yang bertentangan dengan maklumat konteks ini telah membawa penguguran andaian tersebut. Selepas andaian yang tidak relevan digugurkan, maka usaha memproses menjadi semakin mudah. Keadaan ini akan menambahkan kerelevanan andaian, iaitu “Dasar Pecah dan Perintah” ialah makna sebenar penutur.

Sebenarnya, kebenaran makna implisit “kota” sebagai “Dasar Pecah dan Perintah” ini dapat disokong oleh pernyataan Tunku (1980:53), seperti di bawah:

...haruslah diingat bahawa sejak beberapa keturunan dulu ketiga-tiga kaum ini menjalani kehidupan yang berlainan, hidup bersama-sama di bumi yang sama tetapi secara berasingan, semuanya mangsa daripada rukun dasar penjajahan—”Bahagi dan Perintah”

Sebagai kesimpulannya, set andaian tersebut akan terhasil dalam minda pendengar. Mereka akan memproses set andaian tersebut secara psikologi. Proses psikologi ini dibuat secara inferens bagi menghasilkan kesan konteks yang paling relevan dengan konteks asal. Dengan melakukan rangka rujuk silang terhadap konteks yang dibekalkan dalam teks sumber maka andaian “dasar pecah dan perintah” merupakan andaian yang paling relevan. Andaian lain yang tidak konsisten dengan konteks asal teks sumber digugurkan. Oleh itu, andaian “dasar pecah dan perintah” menjadi kesan konteks sebenar. Dengan kata lain, makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Tunku ialah “Dasar Pecah dan Perintah”.

Analisis TR terhadap Data (3): “Racun”

Data (3) “Racun” ini terdapat dalam Ucapan Ketua Menteri Mengenai Keharmonian antara Kaum di Melaka pada 16 hb. Februari, 1957. Perkataan “racun” muncul dalam ungkapan seperti di bawah:

Sekarang orang-orang Melayu yang mula-mulanya menjerit dan berkeriau kehendak kepada merdeka dan berani untuk menghadap segala-galanya, tiba-tiba apabila hendak sampai merdeka masing-masing sudah naik takut, takut itu, takut ini, takut hak Melayu hilang itu, hilang ini. Kalau kita berani untuk merdeka apa benda yang kita nak takut. Kalau takut hendak hilang itu dan ini macam mana kita berani hendak menuntut merdeka, itu saya beritahu di mana-mana sahaja kepada bangsa saya.

Orang-orang China yang takut Melayu nak mengamuk, nak mengamuk apa. Kalau kita hendak mengamuk apakah kita hendak askar-askar British duduk di sini kalau Melayu cadang hendak mengamuk, kalau Melayu cadang hendak bunuh bangsa lain, adakah kita hendak buat satu perjanjian dengan kerajaan British mengadakan askar-askar British di sini. Fikirlah. Masing-masing yang keluaran cakap yang bukan-bukan, bukan kerana apa, bukan kerana ada sebab, semuanya adalah kerana takut, bimbang dan tak percaya. Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar kepada mana-mana negeri pun, kepada mana-mana bangsa pun. Jika kita berani merdeka, kita berani hadapi apa yang datang.

Data (3), iaitu perkataan “racun” pada peringkat makna harfiahnya berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) bermaksud seperti yang berikut:

- | | |
|--------|--|
| Racun: | 1. Bahan yang berbisa dan boleh mematikan atau membawa maut (kalau dimakan dll). |
| | 2. Ada bermacam-macam racun, antaranya termasuklah racun herba, racun kulat, dan racun perosak |

Makna pada peringkat harfiah ini mudah difahami kerana berada dalam catatan ensiklopedia pendengar. Apabila makna linguistik ini dihubungkan dengan konteks ucapan, ternyata bahawa makna linguistik

ini bertentangan dengan konteks ujaran itu disampaikan. Dengan kata lain, Tunku bukanlah membicarakan: bahan yang berbisa dan boleh mematikan atau membawa maut (kalau dimakan dll) seperti racun herba, racun kulat, dan racun perosak. Makna linguistik tersebut bukanlah makna yang ingin disampaikan oleh Tunku. Oleh itu, makna perkataan “racun” dalam konteks ujaran masih kabur. Menurut Sperber dan Wilson (1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin 1992:1), pengkajian makna pada peringkat semantik hanya terhad kepada maklumat linguistik sahaja. Oleh itu, pengkajian makna pada peringkat semantik belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihayati oleh penutur. Pengkajian makna seharusnya melibatkan kombinasi antara kedua-dua faktor linguistik dan bukan linguistik. Dengan cara ini, kajian ini mendapatkan makna implisit dengan menggunakan TR.

Sebelum melakukan analisis TR terhadap perkataan “racun” ini, pengkaji berpendapat bahawa suasana ketika ucapan ini harus diuraikan secara umum supaya konteks ucapan ini lebih jelas agar dapat membantu usaha memproses: Tarikh yang tercatat pada tajuk ucapan itu (16 Februari 1957) telah menggambarkan suasana persediaan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Tunku dan rombongan telah dijanjikan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 semasa rundingan dengan pihak British di London. Dalam ucapan itu ada disentuh “Tidak berapa lagi kita akan merdeka”. Walau bagaimanapun, Tunku perlu meyakinkan pihak British tentang kemampuan rakyat Tanah Melayu memerintah sendiri dan keharmonian kaum di Tanah Melayu terpelihara. Salah satu cara yang dilakukan oleh Tunku adalah melalui ucapan beliau supaya rakyat bersatu padu. Dalam ucapan tersebut, Tunku turut menggambarkan suasana atau hubungan antara kaum di Tanah Melayu pada masa itu. Suasana tersebut merupakan konteks pemula kepada pembaca/pendengar telah mencetuskan pelbagai andaian ketika data “racun” diucapkan oleh Tunku. Maka, andaian-andaian yang muncul dalam kognisi seperti di bawah:

Andaian : (a) ancaman

(b) meracuni

(c) ketakutan

(d) pergaduhan

Set andaian yang dibina ini dibekalkan oleh ujaran Tunku. Andaian yang dikemukakan dibina untuk mendapatkan maksud yang lebih jelas selain makna linguistik. Semua ini akan menuju ke arah pengembangan konteks semula tadi. Andaian ini akan dihubungkan dengan konteks bagi mendapatkan kesan konteksnya, iaitu makna yang sebenar bagi sesuatu andaian tersebut. Menurut Maslida Yusof (2007:199), terdapat dua jenis konteks yang relevan. Pertama ialah konteks linguistik-wacana yang mendahului frasa atau ayat yang akan diinterpretasikan. Kedua, ialah situasi konteks atau pengetahuan mengenai dunia. Untuk mendapatkan interpretasi yang penuh bagi sesuatu ayat, pendengar harus mengetahui rujukan dunia sebenar.

Penginterpretasian data (3) ini menjadi lebih mudah dengan memilih rujukan yang dibekalkan oleh penutur. Pemilihan rujukan yang tepat akan menjamin ketetapan makna implisit yang dicari. Apabila andaian ini dihubungkan dengan konteks dan berjaya menimbulkan kesan kognitif yang tinggi, maka andaian tersebut merupakan ujaran yang relevan.

Pemilihan rujukan yang ditekankan dalam TR ini dilakukan secara RRS. Bagi menginterpretasi makna sebenar bagi data “racun”, kajian ini menghubungkan data “racun” dengan konteks linguistik-wacana, iaitu ujaran yang terdahulu atau ujaran yang wujud selepasnya. Hal ini selaras dengan pendapat Sperber dan Wilson (1999:213 & 243-245), bahawa untuk menjadi relevan dalam konteks, sesuatu andaian mesti dihubungkan dengan konteks bagi melahirkan implikasi atau kesan konteks. Pengembangan konteks boleh dilakukan dengan “kembali pada masa” dan menambahkannya andaian yang telah digunakan atau diperoleh dalam proses deduktif terdahulu. Menambah padanya entri ensiklopedia (atau mungkin sepotong kecil maklumat ensiklopedia, yang diambil daripada entri ini) pada konsep yang sedia wujud sama ada dari dalam konteks atau daripada andaian yang telah diproses; menambah maklumat tentang persekitaran yang boleh diperhatikan secara langsung.

Dalam kajian ini, dapat dikesan bahawa terdapat ujaran lain yang dapat menjadi rujukan kepada penginterpretasian makna bagi data “racun” kerana kemampuannya membentuk konteks ujaran, ujaran ini menjadi anteseden kepada kekaburan yang timbul daripada data “racun”. Maka, di sini ditunjukkan ujaran terdahulu yang dapat membantu menginterpretasi makna “racun” seperti di bawah:

...semuanya adalah kerana takut, bimbang dan tak percaya. Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar kepada mana-mana negeri pun...”

Beberapa perkataan/frasa penting yang kabur dalam ungkapan tersebut yang memerlukan penjelasan ialah :

(a) Apakah yang menjadi “racun yang besar” jika bukan makna linguistiknya?

Jawapan kepada kekaburan ini telah wujud lebih awal daripada kata “racun”, iaitu frasa “Inilah tiga perkara”. Jelas di sini bahawa frasa “Inilah tiga perkara” menjadi antedecedan kepada frasa “racun”. Walau bagaimanapun, frasa “inilah tiga perkara” meninggalkan kekaburan kepada pendengar. Pendengar akan tertanya-tanya tentang:

(b) Apakah yang dimaksudkan “inilah tiga perkara”?

Rujukan diperlukan untuk mendapatkan maksud sebenar bagi “Inilah tiga perkara” yang dimaksudkan oleh Tunku. Hal ini selaras dengan pendapat Soenjono Dardjowidjojo (2007:63) yang mengatakan bahawa apabila dalam wacana, kita menemukan ganti nama, kita perlu berundur dan mencari antedecedan untuk ganti nama tersebut. Dalam frasa “Inilah tiga perkara”, penggunaan kata ganti nama tunjuk “ini” menunjukkan antedecedan telah dikemukakan dalam ujaran terdahulu. Memandangkan kata ganti nama tunjuk “ini” merujuk benda yang dekat. Kajian ini mencari antedecedennya pada ujaran yang paling hampir dengan kata ganti tunjuk “ini”. Oleh itu, dengan merujuk ujaran terdahulu yang paling hampir, antedecedan kepada “inilah tiga perkara” dapat dikesan, iaitu “takut, bimbang, dan tak percaya”. Hal ini kerana frasa “inilah tiga perkara” apabila dihubungkan dengan frasa “takut, bimbang dan tak percaya” dapat menimbulkan kesan kognitif. Jadi, “tiga perkara” yang menjadi “racun” dirujuk kepada takut, bimbang dan tak percaya”. Setelah unsur yang akan menjadi “racun” telah dikenal pasti, peluasan konteks dilakukan dengan mengemukakan persoalan lain, iaitu:

(c) Siapakah yang takut, bimbang dan tak percaya?

Kekaburan ini perlu diselesaikan. Sekali lagi, melalui rangka rujuk silang, beberapa ujaran terdahulu dikesan dapat menjadi antedecedan kepada frasa “takut, bimbang, dan tak percaya”, iaitu ujaran “...orang Melayu ...takut hak Melayu hilang...orang Cina yang takut Melayu nak mengamuk...”

masing-masing yang mengeluarkan cakap yang bukan-bukan...”. Jadi, yang takut, bimbang, dan tak percaya ialah orang Melayu dan Orang Cina.

(d) Apakah kesannya jika wujud “takut, bimbang, dan tak percaya” antara kaum Melayu dengan orang Cina?

Dengan merujuk konteks ujaran, iaitu ujaran terdahulu, terdapat premis tambahan yang dapat menjelaskan kekaburan ini, iaitu ujaran “Jika kita ada syak wasangka antara satu sama lain maka selama-lamanya negeri ini tak boleh senang”. Jawapannya amat jelas bahawa negeri ini “tak boleh senang”. Hal ini menunjukkan ketiga-tiga perasaan tersebut akan mengancam kestabilan negara. Oleh itu, andaian bahawa “racun” yang dikatakan oleh Tunku sebagai “ancaman” akan dapat menimbulkan kesan kognitif yang tinggi jika dihubungkan dengan ujaran terdahulu. Dengan ini, andaian (a) telah diperkukuh oleh konteks sehingga mewujudkan kesan kognitif yang tinggi. Apabila adanya kesan kognitif yang tinggi, maka maklumat tersebut menjadi relevan kepada pendengar.

Sebenarnya, andaian (a) sebagai makna sebenar bagi data (2) juga dapat dapat dibuktikan melalui proses penguatan dalam TR, iaitu andaian (a) diperkukuh melalui faktor persekitaran pendengar. Menurut Maslida Yusof (2007:199), situasi konteks meliputi penutur, pendengar dan sebarang kehadiran pihak ketiga bersama kepercayaan yang ada bersama mereka dan juga kepercayaan mereka tentang apa yang dipercayai oleh orang lain, termasuklah persekitaran fizikal, subjek perbualan, masa dan lain-lain. Dalam kajian ini, konteks persekitaran ini dapat dikesan bukan sahaja melalui tarikh ucapan tersebut (enam bulan sebelum tarikh kemerdekaan, iaitu 31 Ogos 1957), tetapi juga tajuk ucapan. Kemampuan “tajuk” ujaran menjadi konteks terbukti dalam kajian Fatimah Subet (2010:185) bahawa tajuk sajak, iaitu “Merdeka” telah memberikan pengetahuan sedia ada atau catatan ensiklopedia untuk membina konteks. Dalam kajian ini, tajuk ucapan yang tertera “keharmonian antara kaum” juga dapat meletakkan penutur dan pendengar berada pada konteks yang sama atau seiringan. Keadaan ini akan memudahkan pentafsiran makna oleh pendengar. Hal ini selaras dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (1992:38) yang mengatakan bahawa setiap ujaran akan dapat difahami jika konteks perbualan antara penutur dengan pendengar seiringan.

Pada ketika itu, pendengar yang terdiri daripada pelbagai kaum sememangnya mengalami kehidupan seperti yang digambarkan oleh Tunku, iaitu:

Masing-masing yang keluarkan cakap yang bukan-bukan, bukan kerana apa, bukan kerana ada sebab, semuanya adalah kerana takut, bimbang dan tak percaya. Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar kepada mana-mana negeri pun, kepada mana-mana bangsa pun.

Berdasarkan pernyataan Tunku di atas, jelas bahawa rakyat di Tanah Melayu khususnya kaum Melayu dan kaum Cina masih lagi belum mencapai kata sepakat tentang beberapa isu yang melibatkan kepentingan kaum masing-masing kerana didorong oleh perasaan takut, bimbang dan tidak mempercayai antara satu sama lain. Oleh sebab itu, apabila ujaran “Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar...” dikemukakan oleh Tunku, pendengar dapat mengaitkan makna sebenar “racun”, iaitu “ancaman” dengan pengalaman mereka pada masa itu. Oleh itu, andaian (a) mempunyai kesahan yang tinggi kerana kesan konteks yang tinggi apabila dihubungkan dengan konteks persekitaran dan pengalaman pendengar. Dengan ini, pendengar mudah memproses makna implisit yang terdapat dalam data (3) ini.

Andaian (b) pembunuhan, (c) ketakutan, (d) pergaduhan adalah lemah kerana bertentangan dengan konteks. Jadi, andaian yang lemah akan digugurkan. Menurut Sperber dan Wilson (1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1990:454), lebih banyak andaian yang digugurkan, maka ujaran itu menjadi semakin kuat dan bertambah relevan.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa data (3), iaitu kata “racun” ini mempunyai makna yang tersirat. Jika kata “racun” hanya dilihat dari segi makna linguistik, maka tidak akan nampak ada korelevanan maksudnya dalam konteks yang diberikan. Hal ini selaras dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (1992:19) yang mengatakan bahawa bentuklogik ini melahirkan makna yang diujarkan tetapi banyak meninggalkan ketaksahan dan rujukan yang belum diselesaikan. Dengan TR, ternyata bahawa di sebalik makna linguistik, ada makna yang tersirat daripada kata “racun”, iaitu bermaksud “masalah” kepada sesuatu rancangan.

Makna implisit yang terhasil daripada analisis TR amat bertepatan dengan situasi negara pada masa itu. Berdasarkan tarikh ucapan 16 Februari 1957, diketahui bahawa Tanah Melayu akan merdeka tidak lama lagi tetapi keharmonian antara kaum masih menjadi isu penting yang boleh menghalang cita-cita negara untuk merdeka. Oleh itu, Tunku melihat sikap “takut, bimbang, dan tak percaya” antara kaum ini akan menjadi ancaman kepada cita-cita negara tersebut kerana perasaan tersebut akan mewujudkan pelbagai kesan yang memudaratkan kepada Tanah Melayu.

Kebimbangan Tunku terhadap perkara ini digambarkan oleh Tunku (1980: 54) melalui ungkapan berikut :

Tidak mudah menghasilkan sesuatu yang memuaskan dalam tempoh yang begitu singkat sebelum menghadapi pilihan raya. Setiap kaum menaruh curigai terhadap yang lainnya, setiap kaum ingin memelihara keperibadiannya sendiri, menjaga kepentingannya sendiri. Sebarang usul tentang penggabungan yang serta-merta dan lengkap tidak dapat dilaksanakan; hal ini akan mencetuskan bunga api politik.

Kesungguhan Tunku untuk mengatasi “ancaman” ini dapat digambarkan oleh Ramlah Adam (2004:85-86) seperti di bawah:

Peranan yang ditonjolkan oleh Tunku ialah cuba mengatasi soal perkauman yang menjadi soal pokok dalam politik Tanah Melayu selepas pengenalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu... Tunku menyemai perasaan berbaik-baik antara penuntut Melayu dengan penuntut Cina yang belajar di institut undang-undang dengan menggunakan persatuan mereka untuk menjemput penuntut Cina dan penuntut India ke jamuan makan sebulan sekali di restoran. Keramahan Tunku dapat menarik ramai penuntut bukan Melayu berhubung rapat dengannya. Ini merupakan salah satu cara bagi Tunku untuk mengatasi rasa tidak puas hati orang Cina terhadap kedudukan mereka di Persekutuan Tanah Melayu.

KESIMPULAN

Dalam ucapan, penutur (Tunku) telah menggunakan simbol yang berkaitan dengan unsur konkrit yang ada di sekeliling untuk menyampaikan mesej yang dihajati. Simbol yang digunakan ini mudah dikenali oleh pendengar seperti data dalam kajian ini (ribut taufan, racun, kota). Hal ini amat membantu pendengar dalam menginterpretasikan makna yang ingin disampaikan oleh Tunku. Walaupun, objek yang dirujuk dalam simbol bukanlah merupakan makna yang sebenar kerana makna yang disampaikan hanya makna luaran atau makna literal, hal ini tidak menghalang pendengar untuk memahami ujaran tersebut kerana pendengar dapat menggunakan konteks ujaran yang dibekalkan oleh Tunku untuk menginterpretasi makna yang tersirat daripada simbol tersebut. Penginterpretasian makna selain

makna linguistik inilah yang diterapkan dalam TR dengan menekankan bahawa konteks amatlah penting untuk menentukan makna yang ingin disampaikan oleh penutur.

RUJUKAN

- Ainon Muhammad. "Penerapan Teori Makna dalam Terjemahan (Bahagian I)" dlm. *Dewan Bahasa* Julai 1981, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2003. *Tesaurus Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Fawzi Basri, Abdul Halim Ahmad & Abdul Rahman Aziz (peny.), 1987. *Isu-Isu Perpaduan Nasional: Cabaran, Pencapaian & Masa Depan*. Jitra: Universiti Utara Malaysia.
- Akmajian, A. *et al.*, 1997. *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Diterjemah oleh Aishah Mahdi & Azizah Hussein. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin, "Implikatur Dalam Kes "Pembunuhan Norita": Analisis Teori Relevans" dlm. *Jurnal Bahasa* 13(1), 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahman Rahim, 1987. "Nada Sumbang Dalam Irama Perpaduan". dlm. Ahmad Fawzi Basri, Abdul Halim Ahmad & Abdul Rahman Aziz (peny.), *Isu-Isu Perpaduan Nasional: Cabaran, Pencapaian & Masa Depan*. Jitra: Universiti Utara Malaysia.
- Armin Azhari Saleh. "Tunku Abdul Rahman Pejuang Bahasa" dlm. *Dewan Bahasa* Julai 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Fatimah Subet, 2010. "Interpretasi Makna Bahasa Figuratif Sebagai Cerminan Emosi: Satu Analisis Teori Relevans". Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasmidar Hassan, 2006. "Kata Hubung 'dan' dan 'tetapi': Satu Analisis Perbandingan Nahu dan Pragmatik". Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Saat, 2007. *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam : Karisma Production Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*, 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Maslida Yusof, 2007. "Pragmatik" dlm. *Linguistik Melayu*. Disunting oleh Zulkifley Hamid, Ramli Md Salleh, Rahim Aman. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Fauzi bin Jumingan, 2003. "*Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans*". Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, "Semantik dan Pragmatik dalam Teori Relevans" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* Jun hlm. 450-59, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, "Keimplisitan Ujaran : Satu Analisis Teori Relevans" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* hlm. 474-83, Jun, 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. "Masa dan Masyarakat Melayu: Peradaban Berterusan" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* Jun, hlm. 257-76, 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2007. *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, "Bahasa dan Kognisi: Pemikiran dan Budaya dalam Bahasa Tersirat" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* April, 1994. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat Ismail, 2000. *Pidato Berpidato Seni dan Teknik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd .
- Ramlah Adam, 2004. *Biografi Politik: Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsuddin A. Rahim, 1993. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Soenjono Dardjowidjojo, 2007. *Psikolinguistik: Memahami Asas Pemerolehan Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Sperber, D. & Wilson, D., 1999. *Relevans Komunikasi & Kognisi*. Diterjemah oleh Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tunku Abdul Rahman Putra, 1980. *Pandang Balik*. Petaling Jaya : Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Tunku Abdul Rahman, 1956. Uchapan YTM Tunku YDP pada Hari UMNO 10 Tahun. Bertarikh 17MEI 1956. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006. *Memahami Pertuturan Kanak-kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Zaiton Ismail, "Bahasa Berirama dari Sudut Pandangan Teori Lakuan Bahasa, Teori Grice dan Teori Relevans" dlm. *Dewan Bahasa* Januari 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.